

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	30 OCTOBER 2016

Konsistenkah Dr. Mahathir?

PEMIMPIN sering kali diukur kredibilitinya berdasarkan kepada prinsip serta kata-kata yang diucapkan kerana itulah cerminan kepada perwatakan sebenar mereka.

Bagaimanapun dalam sejarah politik tanah air, kerap kali disaksikan seseorang pemimpin itu sering sahaja

berubah 'kulit' apabila sesuatu kepentingan yang diperjuang tidak tercapai.

Itulah juga yang berlaku kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad apabila banyak kata-katanya ketika dahulu jelas bertentangan dengan pendiriannya ketika ini.

Saya atau pemimpin 91 tahun - PM
Siapa yang tersasar perjuangan?

Oleh MOHD. ASRON MUSTAPHA
mohdaronmustapha@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 28 OKT.

DATUK Seri Najib Tun Razak men...

Kumpulan Usaha Niaga), bantuan-bantuan iMalaysia, PRIMA (Perumahan Rakyat iMalaysia), e-Kasih, UTC (Pusat Transformasi Bandar) dan RTC (Pusat Transformasi Luar Bandar) untuk...

Um - 30/10/2016

Sebahagian ungkapan Dr. Mahathir yang kini tidak lagi konsisten

1. TUBUH PARTI BAHARU

Sebelum itu:

SAYA sendiri biasa disingkir oleh Tunku Abdul Rahman dahulu, dan masa Pak Lah (Tun Abdullah Ahmad Badawi) pun saya berhenti daripada UMNO, tapi saya tak pernah tubuh satu parti lain untuk lawan UMNO."

Bagaimanapun pada 14 Julai 2016, Dr. Mahathir mengumumkan penubuhan parti baharu, Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) untuk mengalahkan UMNO dan Barisan Nasional (BN).

2. CAMPUR TANGAN MEDIA ASING

Sebelum itu:

ITU media asinglah, memang apa kita buat pun tak kena (sebab) dia ada agenda dia."

Tetapi kemudiannya Dr. Mahathir bersekongkol dengan pengendali *Sarawak Report*, Clare Rewcastle-Brown bagi menjatuhkan kerajaan.

3. DEMONSTRASI JALANAN

Sebelum itu:

SAYA tidak gemar dengan tunjuk perasaan kerana ada saluran-saluran lain untuk kita selesaikan masalah."

Bagaimanapun pada 29 Ogos 2015, Dr. Mahathir turun bersama-sama peserta demonstrasi Bersih 4.0 di Dataran Merdeka.

4. HUBUNGAN POLITIK DENGAN PENASIHAT DAP, LIM KIT SIANG

Sebelum itu:

SAYA nak sebut dengan suara yang selantang mungkin bahawa Kit Siang adalah seorang rasis." - 4 Mei 2013

Malangnya sekarang, Dr. Mahathir bersalaman dan

berkongsi pentas dengan Kit Siang semata-mata kerana bencikan Datuk Seri Najib Tun Razak.

5. MENGENAI PRESIDEN PAN, MOHAMAD SABU

Sebelum itu:

BAGI saya kalau ada 1,000 Mat Sabu (Mohamad) saya cukup seronok, pasal dia akan mengatakan benda-benda yang menyakitkan hati orang."

Kritikan tersebut dibalas balik Mohamad dengan berkata:

SEBAB itu Dr. Mahathir banyak bijak, Najib jangan tipu dia, sebab dia kepala perompak dulu, dia tahu."

Kini kedua-duanya bekerjasama dalam pakatan pembangkang.

6. DATUK SERI ANWAR IBRAHIM KINI MENJADI SEKUTUNYA

ANWAR ini kaki tipu, dia tipu saya."

POLITIK (itu semua) politik Anwar, politik duit...beli semua orang."

NAK jadi Perdana Menteri, gila-gila nak jadi Perdana Menteri."

TAPI boleh ke orang yang berkelakuan macam itu jadi Perdana Menteri? Takut habis...

budak-budak pejabat takutlah."

TIDAK usahlah takut saudaraku yang lama, hadapi dirimu ke mahkamah, bersumpahlah di masjid dan bukannya di tepi masjid (sewaktu berceramah). Bersumpahlah seperti saudara Saiful Bukhari (Azlan) jika kamu seorang lelaki budiman." - Mac 2010

KITA bukan sahaja terpaksa berhadapan dengan satu dua orang tetapi lebih 100 orang. Antaranya hakim, pendakwa, polis, saksi-saksi dan mangsa. Ini bukan kerja mudah kerana banyak pihak yang akan terlibat." - Oktober 2010

DIA pernah membuat konspirasi untuk menjatuhkan saya, semua orang tahu dia arah orang serang saya, kata saya ada kroni tetapi Anwar sendiri berpura-pura baik (sebagai) orang nombor dua dalam Kabinet. Belakang saya dia lakukan tetapi di depan saya kami boleh duduk semeja, itulah dia, jadi saya tidak pelik dengan tuduhan bahawa dia ada konspirasi untuk menjatuhkan Najib." - Oktober 2010

Namun pada 5 September 2016, Dr. Mahathir sanggup menunggu dan bersalaman dengan Anwar di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

